

“Kempen Mengembalikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik ke dalam Bahasa Ibunda di Sekolah Rendah”

Pusat Pendidikan SRI-SMI Bhd (MUSLEH)

Ucapan

Salam sejahtera dan selamat datang kepada semua

MUSLEH bersama-sama dengan rakan-rakan NGO lain dalam **“Kempen Mengembalikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik ke dalam Bahasa Ibunda di Sekolah Rendah”** ingin menyatakan beberapa perkara asas seperti berikut:-

1. Misi MUSLEH ialah memperkasa pendidikan Islam bagi menjana generasi rabbani. Oleh itu, segala tindakan yang akan diambil oleh MUSLEH akan sentiasa merujuk kepada hukum syariat islamiyah dan juga kemaslahatan pendidikan Islam
2. Agama Islam mengiktiraf semua bahasa – termasuklah Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Orang Asli dll. Di sisi Allah swt, semua bahasa dan kaum di dunia adalah tanda-tanda keagungan Allah swt. Firman Allah swt dalam surah Ar-Rum: 22.

“dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan”

3. Agama itu nasihat. Dari semasa ke semasa, pandangan, cadangan, teguran, kritikan, maklumbalas perlu diberi kepada semua pihak – samada pemerintah atau rakyat, pemimpin atau pengikut, ketua atau pekerja. Semua pihak perlu bersikap positif dan jangan bersikap negatif. Semua pihak perlu ikhlas dan bersungguh dalam memperbaiki keadaan. Dalam hadis 7 (40 Ahadis An-Nawawi) Riwayat Muslim. Dari Abu Ruqayah Tamim bin Aus Ad-Dhari r.a, bahawasanya Nabi SAW bersabda : ' Agama itu adalah nasihat. ' Kami sekelian bertanya : ' Untuk siapa ? ' Maka jawab Rasulullah SAW : ' Bagi Allah, kitabNya, RasulNya dan bagi penganjur-penganjur kaum Muslimin dan orang awamnya. '
4. Kita perlu berlaku adil dalam apajua keadaan kepada orang lain. Jika sesuatu pandangan dan cadangan betul dan sah, maka hendaklah mempertimbangkannya. Manakala jika tidak betul atau tidak sah; maka perlulah diperbetulkan. Firman Allah swt dalam Al-Maidah: 8

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-

orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan”

5. Kita perlu saling kenal mengenali (taarof) antara satu sama lain khususnya dalam Negara kita yang berbilang bangsa dan kaum. Kita semua daripada Adam as. Kita semua berkongsi alam yang satu ini. Setiap bangsa dan kaum ada kekuatan dan ada kelemahan; ada kelebihan dan ada kekurangan. Kita perlu belajar hidup bersama-sama demi kebaikan semua. Firman Allah swt dalam surah Al-Hujurat: 13

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

6. Semua orang wajib menuntut ilmu pengetahuan terutamanya ilmu bahasa, ilmu sains dan ilmu matematik. Penguasaan ilmu pengetahuan adalah asas kejayaan dan kecemerlangan di dunia dan Akhirat. Firman Allah swt Al-Alaq: 1 – 5.

“Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya”

7. Dalam pendidikan Islam, semua ilmu pengetahuan perlu dikaitkan dengan konsep aqidah islamiyah. Konsep aqidah islamiyah ialah pegangan asas bagi setiap orang Islam. Persoalannya ialah: Mampukah anak-anak kita mengaitkan konsep dan falsafah ini dengan sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris?. Firman Allah swt dalam surah Ali-Imran: 190 – 191

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini Dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka”.

8. Sesuatu ilmu pengetahuan yang hendak dikuasai hendaklah bermula dengan

rasional, konsep dan falsafahnya. Kajian telah menunjukkan bahawa bukanlah sesuatu yang mudah untuk seseorang menguasai ilmu pengetahuan sekiranya tidak menguasai bahasa tersebut. Sekali lagi kita bertanya: Mampukah anak-anak kita memahami sesuatu konsep dan falsafah berkaitan sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris?.

9. Semua anak murid berhak mendapat pendidikan. Merujuk kepada satu keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu; pernah menyatakan. *UN. Article 13(2): The right to receive an education. Acceptability. That the curricula should be flexible & holistic; and that the teaching methodologies should be relevant, appropriate, of high quality and involves varied delivery system.*

Persoalan: Bukankah lebih baik wujud keanjalan (flexibility) dalam sesuatu sistem pendidikan dan tidak jumud (rigid) dalam pendekatan pengajaran serta pembelajaran (teaching methodologies)?

10. Bahasa ibunda ialah bahasa yang digunapakai oleh seseorang di rumah seharian. Persoalan: Berapa peratuskah anak-anak murid di Malaysia yang berbahasa Inggeris di rumah?
11. Kita perlu membuat perancangan yang mantap dalam setiap harian. Apatah lagi sekiranya isu ini melibatkan dasar dan polisi Negara yang memberi kesan kepada anak-anak Malaysia seluruh Negara sehingga beberapa generasi. Setiap dasar dan polisi perlulah dilakukan berasaskan kajian yang meyakinkan, berfasa-fasa dan semua pihak berkenaan diberi penjelasan yang terbaik
12. Janganlah kita membazir kehidupan anak-anak kita. Janganlah jadikan semua anak kita bahan ujikaji. Jikalau perlu sekalipun, ambillah sekelompok sahaja daripada mereka dan buatlah kajian di bawah persekitaran yang terkawal (under controlled environment). Ini semua bagi menjamin hasil yang terbaik dan tidak menjadikan anak-anak menjadi mangsa kepada kecuaihan dan kealpaan kita.

Sekian. Terima kasih kepada semua. Selamat berseminar.